

BPR, firma audit siasat akaun PBS

BH - 6 APR 1994

KUALA LUMPUR, Selasa - Badan Pencegah Rasuah (BPR) dan sebuah syarikat audit awam akan menyiasat kemungkinan berlaku penyelewengan dalam Yayasan Sabah, syarikat dan anak syarikatnya serta kedudukan kewangan kerajaan negeri sepanjang pemerintahan Parti Bersatu Sabah (PBS).

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata Majlis Tertinggi (MT) Umno yang bermesyuarat hari ini setuju langkah Kerajaan Pusat membenarkan BPR menyiasat kemungkinan penyelewengan oleh kerajaan PBS yang memerintah Sabah selama sembilan tahun.

Katanya, MT Umno bersetuju dengan hasrat Kerajaan Pusat melantik sebuah syarikat audit awam menjalankan audit sebagai memenuhi hasrat mewujudkan kerajaan Barisan Nasional (BN) Sabah yang bersih, cekap, amanah dan bertanggungjawab.

Sabtu lalu, Perdana Menteri berkata kedudukan kewangan dan

pentadbiran kerajaan PBS akan diaudit bagi menentukan ia mematuhi undang-undang dan peraturan.

Pengauditan itu bagi membolehkan tindakan diambil jika didapati berlaku sebarang penyelewengan atau penyalahgunaan kuasa oleh pemimpin parti itu.

"Kita berhajat menyelidik segala-galanya untuk mengetahui sama ada syarikat dan anak syarikat Yayasan Sabah dan sebagainya ada penyelewengan atau tidak," kata Dr Mahathir selepas mempengerusikan mesyuarat MT lebih tiga jam di Ibu Pejabat Umno di sini, hari ini.

Beliau yang juga Presiden Umno berkata, syarikat audit awam yang akan dilantik belum dikenal pasti dan akan ditentukan oleh Kementerian Kewangan.

Menurutnya, mesyuarat juga membincangkan dengan panjang lebar berhubung Sabah, termasuk langkah yang patut diambil untuk membangunkan negeri itu.